CERPEN : LEGASI TAPAI UBI
ANTOLOGI BINTANG HATI

SINOPSIS

Lengkapkan sinopsis cerpen ini dengan maklumat yang tepat.

menara gading	**Agen**	**dikhuatiri**	**kilang**
Profesor Haidar	**minyak**	**tapai ubi**	**dua tahun**
pantang larang	**bakteria**	**serangan kanser**	**alternatif**
matrikulasi	Parjo	**Wak Salikon**	**sel-sel kanser**

Sejak kecil lagi _____ membantu emak dan bapanya menjual _____. Sebut sahaja *'tapai ubi* _____', semua orang sudah tahu dan nama Parjo sudah sebati dengan makanan tersebut sehinggakan rakan-rakan sekolah menggelarnya 'Parjo Tapai'. Proses membuat tapai ubi agak rumit, kerana banyak _____ yang perlu dipatuhi, antaranya adalah tidak boleh memberitahu orang semasa membuat tapai, elakkan daripada terkena kotoran atau _____ dan tidak boleh membuat bising kerana _____ tapai tidak menjadi.

Dengan hasil jualan tapai ubi itulah Parjo dan adik-adiknya berjaya sehingga ke _____ . Setelah tamat belajar di _____ selama _____, Parjo berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan. _____ telah memberi tugasan kepada Parjo untuk membuat kajian bagi membuktikan tapai ubi dapat membantu mengurangkan _____. Kajian telah dilakukan dengan teliti dan akhirnya dia mendapati tapai ubi dapat menghasilkan _____ yang sangat bermanfaat kepada manusia, iaitu menghalang pertumbuhan _____. Hasil kajian Parjo telah mendapat pengiktirafan daripada pihak universiti sehinggalah dibawa pada peringkat antarabangsa.

Parjo telah membawa emak dan bapanya pada majlis konvokesyen. Kajian bertajuk "Tapai Ubi Sebagai _____ Penghalang Kanser" telah berjaya mengiktirafnya sebagai Dr. Parjo. Bagi Dr. Parjo, kejayaan itu ialah hasil inspirasi emak dan bapanya membuat tapai ubi. Akhirnya, _____ Perusahaan Tapai Ubi Wak Salikon telah didirikan di kampung Dr. Parjo kerana permintaan yang semakin meningkat. Dr. Parjo menjadi pensyarah perubatan dan meneruskan kajian tentang potensi tapai ubi sebagai pencegah _____ kepada berbagai-bagai jenis penyakit dengan tumpuan terhadap penyakit kanser.

LIVEWORKSHEETS